

PERSATUAN MAHASISWA PERNIAGAAN & EKONOMI (PMPE) KEKAL UNGGULI PERSATUAN MAHASISWA TERBAIK 2010

Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan & Ekonomi (PMPE) sekali lagi telah dinobatkan sebagai Pengurusan Organisasi Pelajar Terbaik UMS bagi tahun 2010 pada satu majlis gilang gemilang HEP yang di adakan di Dewan Bankuasi Hotel Promenade. PMPE yang dikenali sebagai salah satu persatuan yang paling aktif dengan pelbagai program serta aktiviti pelajar telah Berjaya menewaskan persatuan-persatuan pelajar sekolah-sekolah lain. Selain itu Presiden PMPE bagi sesi 2009/2010, saudara Datu Rais Datu Jamigul telah Berjaya meraih Anugerah Khas TNC atas kecemerlangan beliau dalam akademik dan kokurikulum. Anugerah Persatuan Mahasiswa Terbaik ini meneruskan kesinambungan kecemerlangan mahasiswa Sekolah Perniagaan & Ekonomi yang aktif dan



cemerlang dalam pelbagai aktiviti kemahasiswaan yang di anjurkan. Anugerah di sampaikan oleh Naib

Canselor UMS, Brig Gen. Datuk Seri Panglima Dr.kamaruzzaman Hj Ampon.